

KWAP tingkat pelaburan syarikat teknologi global

BH 27/9

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP meninjau peluang meningkatkan pelaburannya dalam syarikat teknologi global yang berpotensi memberi pulangan lumayan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, berkata buat masa ini, pengurus dana pencen itu sudah melabur dalam Uber Technologies Inc.

Beliau menjelaskan, sebarang keputusan pelaburan dalam syarikat berkaitan teknologi akan dibuat sekiranya ia menepati kriteria pelaburan yang sudah ditetapkannya.

“Antara kriteria yang ditetapkan kami ialah syarikat yang dikenal pasti mesti mempunyai aliran tunai yang positif, hampir untuk disenaraikan dan menepati profil risiko kami,” katanya ketika ditemui di luar Forum Khazanah Megatrends 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Cari peluang pelaburan

Mengenai cadangan KWAP untuk melabur dalam AIRBNB Inc, Wan Kamaruzaman berkata, pihaknya memang mencari peluang melabur dalam syarikat berkenaan, namun dengan penilaian yang dibuat, pihaknya menimbang untuk tidak melabur dalam syarikat berkenaan buat masa ini.

Beliau berkata, pihaknya mengambil langkah itu memandangkan keperluan pembiayaan penyedia perkhidmatan dalam talian bagi mengiklan, mencari dan menempah penginapan percutian unik berpangkalan di San Francisco, Amerika Syarikat sangat ketat dan tidak mampu menepati tempoh masa yang ditetapkan mereka.

Pada minggu lalu, Uber Technologies mengesahkan menerima pelaburan daripada KWAP, sekali gus mengesahkan berita bahawa pengurus dana pencen Malaysia itu melabur dalam syarikat teknologi global itu seperti yang dilaporkan media.

Sebelum ini, BH melaporkan KWAP merancang mempelbagai lagi portfolio pelaburannya dengan cadangan melabur dalam syarikat teknologi global.

Pengurus dana pencen itu memperuntukkan antara AS\$20 juta (RM82.47 juta) hingga AS\$30 juta (RM123.71 juta) sebagai pelaburan awal dalam syarikat teknologi global.



Antara kriteria yang ditetapkan kami ialah syarikat

yang dikenal pasti mesti mempunyai aliran tunai yang positif, hampir untuk disenaraikan dan menepati profil risiko kami”